

UMS, SCSB tingkat kerjasama

UM 27.11.2013 26

KOTA KINABALU 26 Nov. - Jalinan kerjasama antara institusi pendidikan tinggi (IPT) dan institusi perbankan perlu diperluaskan agar para pelajar, khususnya yang mengambil jurusan kewangan mendapat pendedahan awal berkaitan dunia perbankan.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, langkah itu mampu mendorong pelajar mengasah kemahiran mereka dalam perniagaan kewangan di peringkat pembelajaran.

"UMS komited untuk menjalin kerjasama dan mengeratkan rangkaian dengan pemain industri seperti Standard Chartered Siddiq Berhad (SCSB)," katanya semasa berucap dalam majlis menandatangani perjanjian kerjasama (MoA) antara UMS, SCSB dan Universiti Andalas (Unand), Indonesia di sini baru-baru ini.

Dalam majlis itu, Mohd. Harun mewakili UMS, manakala Unand di-

wakili oleh Rektornya, Dr. H. Werry Darta Taifur manakala SCSB (Ketua Pegawai Operasinya, Mohd. Nasiruddin Mohd. Kamaruddin).

Acara itu turut disaksikan Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tun Zaki Tun Azmi dan Konsul Besar Republik Indonesia, Soepeno Sahid.

Melalui kerjasama tersebut, UMS akan memperbaharui semula kerjasama yang terjalin dengan Unand yang dilakukan pada tahun 2005, merangkumi kerjasama program mobiliti pelajar, perkongsian pengetahuan, kebudayaan dan kepakaran antara kedua-dua IPT tersebut.

Kerjasama UMS dengan SCSB pulalah bakal melibatkan penglibatan kedua-dua pihak dalam satu program ciptaan SCSB, iaitu *Mystery Shopper & Calling Exercise* yang menyaksikan pelajar UMS akan diberi tugas sebagai pelanggan berpotensi SCSB dan menjalankan lawatan

atau membuat panggilan telefon ke cawangan SCSB.

Mohd. Harun berkata, kejayaan kerjasama yang terjalin dalam MoA kali pertama antara UMS dengan Unand pada 2005 mendorong UMS memperbaharui kerjasama tersebut untuk manfaat kedua-dua pihak.

"Antara pencapaian yang terhasil dalam kerjasama UMS-Unand sebelum ini ialah penganjuran siri persidangan antarabangsa Asian Academy of Applied Business.

"Selain itu, dua pensyarah dari Unand telah berjaya menamatkan pengajian mereka di peringkat Doktor Falsafah di UMS," ujarnya.

Tambahnya, melalui kerjasama dengan SCSB pula, penglibatan pelajar UMS dalam program SCSB akan memberi mereka pendedahan terhadap pengetahuan dalam bidang perbankan dan kewangan Islam, serta memberi peluang kepada mereka mengasah kemahiran komunikasi dan pemasaran.



DR. MOHD. Harun Abdullah (dua dari kanan) bertukar memorandum perjanjian dengan Dr. H. Werry Darta Taifur (dua dari kiri) dalam majlis menandatangi perjanjian kerjasama antara UMS, SCSB dan Universiti Andalas Indonesia di Jakarta, baru-baru ini.